



Anwar beramah mesra dengan jemaah selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Azzubair Ibn Awwam, di Cheras, semalam. (Foto BERNAMA)

Malaysia tak tunduk 'larangan' AS ke PBB bincang isu Palestin

BERITA HARIAN 14 JUN 2025 m/s: 2

Anwar tetap pertahan hak Malaysia nyata pandangan tuntutan keadilan untuk penduduk Gaza

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia tidak menghiraukan gesaan Amerika Syarikat (AS) yang melobi negara asing supaya tidak menghadiri persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) minggu depan yang dianjurkan bersama oleh Perancis dan Arab Saudi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menegaskan, mana-mana negara berhak untuk hadir bagi menyatakan pandangan masing-masing.

"Mana-mana negara berhak hadir untuk mengemukakan pandangan mereka terutama keadilan bagi rakyat Palestin dan Gaza. Itu pandangan kita.

"Jadi saya menyokong inisiatif dalam hal ini oleh Putera Mahkota Mohamed bin Salman dan juga Presiden Perancis, (Emmanuel) Macron," katanya ditemui media selepas solat Jumaat di Masjid Azzubair Ibnul Awwam, di sini, semalam.

Media kelmarin melaporkan, AS dipimpin Doland Trump sedang melobi negara asing supaya

tidak menghadiri persidangan PBB minggu depan yang dianjurkan bersama oleh Perancis dan Arab Saudi.

Malaysia hantar wakil

Persidangan dijadual berlangsung di New York dari 17 hingga 20 Jun, dengan fokus utama terhadap penyelesaian dua negara dalam konflik Israel-Palestin.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, Malaysia akan menghantar wakil untuk hadir ke persidangan itu nanti.

"Ada (wakil Malaysia tapi) bukan saya," katanya ringkas.

Satu laporan eksklusif diked-

uarkan agensi berita antarabangsa, menyatakan pentadbiran Trump sudah menghantar mesej diplomatik bertarikh 10 Jun lalu kepada pemerintah di merata dunia mengenai perkara itu.

AS berkata, negara yang mengambil tindakan anti-Israel selepas persidangan berkenaan akan dianggap juga sebagai menentang kepentingan dasar luar AS dan boleh berdepan tindakan diplomatik dari Washington.

Ia menambah AS menentang sebarang langkah yang akan mengiktiraf negara Palestin secara satu pihak.

Ibadat & Fadilat

Anas Malik RA meriwayatkan Nabi SAW bersabda: "Sekiranya perempuan ahli syurga datang kepada penduduk bumi, nescaya akan disinarinya dunia antara langit dengan bumi dan dipenuhinya dengan bau harum semerbak. Sesungguhnya tutup kepalanya lebih baik daripada dunia dan seisinya." (HR Bukhari)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:48	1:21	4:47	7:35	8:51
Alor Setar	5:49	1:21	4:47	7:35	8:51
P. Pinang	5:51	1:21	4:47	7:33	8:49
Ipoh	5:51	1:19	4:45	7:30	8:45
Kuala Lumpur	5:51	1:16	4:42	7:25	8:41
Shah Alam	5:51	1:16	4:42	7:25	8:41
Johor Bahru	5:45	1:07	4:33	7:13	8:29
Kuantan	5:45	1:10	4:36	7:19	8:34
Seremban	5:50	1:15	4:41	7:22	8:38
Bandar Melaka	5:50	1:14	4:39	7:21	8:36
Kota Bharu	5:43	1:14	4:40	7:27	8:39
K. Terengganu	5:40	1:10	4:36	7:22	8:38
Kota Kinabalu	4:47	12:18	3:44	6:31	7:47
Kuching	5:20	12:43	4:08	6:48	8:04